

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI
SEMPENA PENGURNIAAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PERUBATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
10 OGOS 1991

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kepada hadrat Ilahi kerana atas limpah kurniaNya dapat kita menghadiri majlis yang gilang-gemilang ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia kerana pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan yang saya terima dengan rendah hati.

2. Sebagai tanda balas saya ingin berkongsi sedikit buah fikiran mengenai kesihatan masa dahulu, kini dan menjelang tahun 2020. Umumnya, rakyat yang sihat akan mempunyai kemampuan bekerja dengan lebih produktif serta lebih berupaya menyertai secara aktif dalam kehidupan social masyarakat tempatan. Malahan, kesihatan merupakan satu dimensi penting daripada usaha-usaha pembangunan negara ini.

3. Dalam tempoh 3 1/2 dekad yang lalu banyak perubahan dan kemajuan telah tercapai di negara kita mengenai sosio-ekonomi rakyat, sistem perubatan dan kesihatan serta kedudukan kesihatan rakyat. Masih terbayang lagi pada 36 tahun dahulu, hospital-hospital dibanjiri dengan kanak-kanak yang sakit tenat akibat penyakit difteria, batuk kokol, tibi meningites dan orang-orang dewasa pula penuh dengan penyakit malaria, tibi, taifod, taun, puru dan untut. Corak penyakit ketika itu merupakan penyakit-penyakit berjangkit, penyakit bawaan air dan makanan dan penyakit-penyakit bawaan vector seperti nyamuk. Kebanyakan penyakit ini berpunca dari keadaan sosio-ekonomi rakyat yang rendah dan kekurangan kemudahan-kemudahan asas.

4. Faktor-faktor sosio-budaya mempengaruhi sikap dan nilai masyarakat ketika itu. Masyarakat lebih terpengaruh dengan kepercayaan dan pantang-larang yang telah menjejaskan kesihatan ibu-ibu mengandung, bersalin, selepas bersalin dan jagaan kesihatan bayi. Penduduk tinggal di desa dengan kemudahan yang berkurangan daripada segi kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan sebagainya. Persekitaran rumah adalah kotor dengan air limbah dan tiada bekalan air dan tandas. Makanan harian yang merupakan nasi dan sedikit ikan dan kadang-kala sayur-sayuran menunjukkan kesan penyakit-penyakit kekurangan zat makanan. Dalam hal ini, empat masalah rumit di luar bandar yang dikenalpasti ialah kemiskinan, kejahilan, kesihatan tidak sempurna dan sikap apathi masyarakat.

5. Kini negara kita telah melalui beberapa perubahan. Rancangan-rancangan pembangunan telah mengambil kira keperluan kesihatan yang merupakan dimensi penting dalam proses perancangan. Dengan setiap rancangan pembangunan lima

tahun, Kerajaan telah memperuntukkan berbagai perlengkapan yang diperlukan demi untuk memastikan system perkhidmatan kesihatan teratur dan komprehensif. Pelbagai rancangan kesihatan disediakan melalui kemudahan seperti program kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak, kawalan penyakit-penyakit dan sebagainya. Kini sistem perubatan dan kesihatan negara kita boleh dibanggakan dan telah mendapat kepujian agensi-agensi antarabangsa seperti WHO dan UNICEF. Di Semenanjung Malaysia hampir semua penduduk dapat menikmati jagaan kesihatan diri dan keluarga secara tersusun dan rapi, termasuk kepada penduduk kawasan pedalaman yang boleh memperolehi perkhidmatan kesihatan melalui bot, landrover atau helikopter.

6. Apakah kesan rancangan-rancangan kesihatan Kerajaan selama 3 1/2 dekad ini? Ibu-ibu dan kanak-kanak adalah golongan yang amat berisiko dan jagaan merekalah yang menjadi sasaran khas dalam rancangan-rancangan kesihatan Kerajaan atas kepercayaan bahawa "ibu yang sihat akan melahirkan dan menjagai anak yang sihat," ataupun "Keluarga yang sihat adalah asas masyarakat yang sihat".

7. Taraf kesihatan wanita dan kanak-kanak bertambah baik. Dengan adanya program-program imunisasi, 6 jenis penyakit berjangkit kanak-kanak yang diiktirafkan sebagai "the 6 killers of children" tidak lagi menjadi masalah kesihatan kini. Pada tahun 1976, 39 pesakit difteria dilaporkan berbanding dengan 12 pesakit pada tahun 1990; itupun pesakit-pesakit itu terdiri dari orang-orang dewasa, bukan kanak-kanak. Sejak 1986, tiada pesakit polio dikesan berbanding dengan 1,200 pesakit semasa wabak polio pada tahun 1972. Jika pencapaian ini diteruskan, kecacatan kanak-kanak dari penyakit polio dapat dihapuskan. Begitu juga dengan penyakit-penyakit bawaan air dan makanan yang telah banyak berkurangan.

8. Bagi ibu-ibu pula, bersalin di Hospital-hospital atau dengan bidan-bidan yang terlatih telah bertambah dan keyakinan terhadap rawatan moden tidak lagi diragui. Kadar kematian bayi dan ibu bersalin telah menurun kepada tahap yang boleh dibanggakan.

9. Kini proses pembangunan telah membawa perubahan kepada cara hidup kita, terutama sekali bagi masyarakat di bandar. Dengan itu profil penyakit dan kesihatan negara telah mengambil dimensi baru dan berubah corak.

10. Penyakit-penyakit yang berpunca daripada gaya cara hidup individu dan keluarga, pemakanan, tekanan hidup (stress) dan tabiat atau amalan yang tidak sihat kian meningkat. Cabaran yang perlu ditempuhi oleh para graduan sebagai bakal doktor-doktor pada masa hadapan ialah untuk memikirkan dan merancang strategi-strategi yang sesuai untuk mengatasi penyakit-penyakit ini yang akan menjadi masalah utama kesihatan menjelang tahun 2020.

11. Ingin saya katakan bahawa penyakit-penyakit seumpama ini tidak mempunyai rawatan atau ubat khusus ataupun belum ada teknologi pencegahan seperti vaksin. Faktor yang pent-ing ialah ianya hanya dapat diatasi dengan pendidikan kesihatan secara berluasan supaya setiap individu sedar bahawa langkah pencegahan

adalah di tangan dan kemahuan mereka sendiri dalam membentuk gaya cara hidup yang sihat bagi diri dan keluarga. Penyakit-penyakit yang saya maksudkan ialah penyakit kardiovaskular yang kini menjadi sebab utama ketiga kematian; penyakit barah paru-paru yang telah meningkat 3 kali ganda dalam 10 tahun yang lepas yang lazimnya berpunca dari tabiat merokok; dan penyakit-penyakit lain seperti hypertension (tekanan darah tinggi) dan kencing manis. Perebakan penyakit AIDS di seluruh dunia juga membimbangkan. Di Malaysia, kes pertama AIDS dikesan pada tahun 1986, dan setakat tahun ini, 1212 pembawa telah dikesan manakala 23 pesakit telahpun meninggal dunia. Tindakan tegas perlu diambil untuk mengelakkan jangkitan ini di kalangan penduduk biasa.

12. Oleh itu, pemikiran tentang mewujudkan masyarakat yang sihat adalah penting dan kritikal memandangkan Kerajaan telah berusaha mempertingkatkan kemampuannya daripada segi institusi pentadbiran, jentera pelaksanaan dan kemudahan kesihatan dalam menghadapi cabaran-cabaran demi untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Saya ingin menegaskan di sini bahawa hadirin sekalian boleh memainkan peranan yang utama dan strategik untuk membolehkan Malaysia menjadi bukan sahaja sebuah negara yang maju tetapi lebih penting lagi sebuah negara yang bebas daripada penyakit-penyakit sosial. Walau bagaimanapun, kita perlu berusaha supaya Malaysia tidak dilanda oleh masalah sosial yang serius seperti negara-negara maju yang lain.

13. Pengalaman di negara-negara maju menunjukkan bahawa sungguhpun kadar kematiannya rendah, kadar penyakit atau mobiditinya amat tinggi akibat penyakit-penyakit sosial ini. Di luar negeri terdapat pusat-pusat jagaan untuk bayi-bayi dan kanak-kanak yang telah menjadi mangsa AIDS, di mana masalah AIDS orphans adalah satu kenyataan. Begitu juga terdapat bayi-bayi dengan sindrom ketagihan dadah akibat ibu yang mengambil dadah semasa mengandung dan bayi dengan ketagihan alkohol. Syukur Alhamdulillah, kita belum menghadapi masalah sosial di tahap ini, walaupun trend yang ada sekarang menunjukkan bilangan wanita merokok dan meminum alkohol agak meningkat. Ini mungkin pengaruh-pengaruh cara hidup Barat. Oleh itu, kita perlu berwaspada dan bersikap sensitif terhadap senario ini dan rancangan tindakan pencegahan awal hendaklah bermula daripada sekarang.

14. Pendidikan para graduan tidak tamat pada hari ini, bahkan baru bermula. Banyak lagi masalah kesihatan lain yang akan timbul dengan proses urbanisasi, pencemaran alam sekitar dan perindustrian. Ini termasuk masalah pepecahan rumah tangga, kederaan kanak-kanak dan "wife-battering". Kita harus mengubahsuaikan diri, daya fikiran dan cara hidup selaras dengan wawasan 2020 bagi menghasilkan generasi yang sihat, produktif, beramanah, penyayang dan mempunyai nilai hidup yang tinggi.

15. Negara memerlukan doktor-doktor yang mempraktikkan "good and sound medicine", "quality medicine", dan mempunyai sikap positif, fikiran dan pandangan terbuka serta sentiasa berupaya meningkatkan tahap prestasi mereka masing-masing. Dalam menjalankan tugas "humanitarian", masyarakat dan pesakit adalah pelanggan kita dan mesti diberi keutamaan dan perhatian. Tugas-tugas perlu dijalankan dengan

penuh empati, bertimbang rasa mengenai perasaan pesakit dan keluarga serta berhubung secara halus dan berbudi pekerti. Alat-alat moden dan mesin-mesin tidak dapat menggantikan kemahiran, pengetahuan dan "good bedside manners". Oleh itu, masa perlu dilapangkan untuk bertemubual dengan pesakit-pesakit, menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan dengan teliti dan memberi nasihat-nasihat yang sesuai.

16. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman akan menjadi bekalan asas kepada keupayaan para graduan menempuhi cabaran tahun sembilan puluhan dan seterusnya ke tahun 2020. Di samping itu, para graduan harus mempunyai inspirasi tinggi dengan menceburkan diri dalam sesuatu bidang kepakaran termasuk bidang-bidang keperluan baru seperti "geriatrics", "environmental medicine", "industrial medicine" dan "rehabilitation medicine".

17. Justeru itu, adalah penting saudara-saudari sekalian, sebagai rakyat yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berilmu perlu bertindak dengan lebih positif untuk menentukan supaya negara ini kurang atau bebas daripada masalah sosial seperti yang terdapat di lain-lain negara maju. Dalam konteks ini, marilah kita fikirkan cara yang sesuai bagi membalas jasa ibu bapa, rakyat dan kerajaan yang telah membolehkan siswazah sekalian mendapat pembelajaran dari institusi akademik ini. Sebagai tanda balas, kepentingan masa depan negara ini daripada segi arah, tahap pencapaian dan peringkat pembangunan yang kita mahukan bagi kita dan generasi-generasi akan datang haruslah difikirkan. Sebagai anak-anak muda yang mempunyai masa depan yang cerah dan penuh cabaran saudara-saudari sekalian merupakan generasi yang akan menerajui negara ini menjelang 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Bak kata orang tua-tua "Orang berbudi kita berbahasa". Cita-cita dan usaha-usaha seseorang itu tidak mungkin tercapai tanpa sokongan moral, persefahaman, dorongan dan galakan daripada berbagai golongan. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengulang kembali kenangan ke atas Allahyarham bapa saya dan Allahyarhamah ibu dan nenek saya yang memastikan saya pergi ke sekolah dan menerima pendidikan yang sempurna; Kepada adik beradik saya, termasuklah Pro Canselor yang duduk di hadapan kita yang memastikan saya membuat "homework" setiap kali balik daripada sekolah; Kepada para guru di sekolah kerana memberi pendidikan asas dan kepada para Profesor di King Edward VII College of Medicine, Singapore yang menjadi "stepping stone" untuk pergi ke universiti-universiti luar negeri; Kepada rakan-rakan saya semasa di universiti kerana mereka lah yang membantu saya dalam pelajaran saya; Kepada Negeri Selangor dan Negeri Kedah yang menerima saya sebagai Petugas di Hospital-hospital dan luar Bandar di mana saya telah menerima banyak latihan dan pengalaman; Akhirnya kepada anak muda yang telah membawa saya balik ke- Negeri Jelapang Padi sebagai isteri dan memberi saya segala dorongan dan juga anak-anak saya yang turut menjadi sumber inspirasi bagi diri saya; Kepada semua yang disebutkan di atas, saya mengucapkan berbilang terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.